

Beli tiket loteri haram, remaja kena bon berkelakuan baik setahun

KUCHING: Seorang remaja lelaki berusia 17 tahun diperintahkan menjalani bon berkelakuan baik selama setahun oleh Mahkamah Majistret semalam selepas mengaku bersalah membeli tiket loteri awam haram.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan memutuskan demikian selepas meneliti laporan akhlak remaja itu yang dikemukakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Ma h k a m a h t u r u t memerintahkan tertuduh dikenakan jaminan RM300 (tidak didepositkan) berserta seorang penjamin tempatan sebagai cagaran.

Berdasarkan pertuduhan, dia didakwa membeli tiket loteri di sebuah lot kedai di Jalan Wan Alwi di sini pada 20 Jun 2024 sekitar jam 12.45 tengah hari.

Kesalahan dilakukan mengikut Seksyen 9(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1952 yang membawa hukuman denda maksimum RM5,000 atau penjara maksimum enam bulan atau kedua-dua sekali

jika sabit kesalahan.

Fakta kes mendedahkan sepasukan polis membuat serbuan di premis dan menemui tertuduh yang sedang duduk di dalam kedai.

Polis melakukan pemeriksaan dan menjumpai sebuah telefon bimbit yang disyaki diguna untuk menjalankan kegiatan loteri awam haram tanpa lesen melalui aplikasi pesanan ringkas.

Susulan itu, polis menahan tertuduh bersama beberapa barangan rampasan iaitu sebuah telefon bimbit dan wang tunai RM60 untuk tindakan selanjutnya.

Berdasarkan siasatan, polis mendapati laporan pakar judi mengesahkan bahawa pesanan ringkas yang terdapat pada barang kes yang dirampas iaitu telefon bimbit merupakan satu tiket loteri awam tanpa lesen.

Pendakwa dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Merylene Lindan Andrew Mang sementara tertuduh tidak diwakili peguam.